

Headline	Sasar 5A dalam UPSR		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	15	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	673 cm ²
Journalist	Khairunnisa Kamarudin	AdValue	RM 22,785
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,354



Peserta Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2014 ditaja Tabung Haji bersemangat untuk raih keputusan cemerlang

Sasar 5A dalam UPSR

Oleh Khairunnisa Kamarudin
nisa.kamarudin@bh.com.my

■ Batang Kali

Setiap murid yang menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2014 anjuran Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH perlu memasang cita-cita bahawa mereka ialah antara calon yang akan mendapat 5A dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini.

Pengurus Besar Bahagian Khidmat Pelanggan Lembaga Tabung Haji, Mohammad Saimi Mat Som, berkata dengan impian dan cita-cita itu sudah pasti setiap murid akan berusaha bersungguh-sungguh bahawa mereka adalah antara calon terbaik untuk mendapat 5A.

Beliau berkata, walaupun berada dalam kelompok mana sekalipun mereka perlu mempunyai keazaman untuk mendapat keputusan cemerlang 5A dan sentiasa berusaha untuk memperolehnya.

"Justeru, sama ada berada dalam kelompok besar atau kecil calon yang memperoleh 5A, adik-adik (peserta seminar) perlu berada dalam kelompok itu dan membuktikan adik-adik mampu meraih 5A.

"Oleh itu, saya mahu murid yang berpeluang menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2014 tidak menia-siakan apa yang diperolehi daripada penceramah untuk mencapai kejayaan pada peperiksaan sebenar September depan," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran seminar anjuran TH dengan kerjasama Unit Pendidikan BH di



"Saya mahu murid yang berpeluang menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2014 tidak menia-siakan apa yang diperolehi daripada penceramah"

Mohammad Saimi Mat Som,
Pengurus Besar Bahagian
Khidmat Pelanggan TH

Dewan Datuk Abdul Hamid di sini, baru-baru ini.

TH memperuntukkan dana

Yang turut hadir ialah, Pengarah TH Selangor, Cik Aishah Abdul Samad, Pengurus TH Kuala Kubu Bharu, Encik Idris Ab Rahman dan Pengarah Berita Pendidikan BH, Ridzuan Yop.

Mohammad Saimi berkata, setiap tahun TH memperuntukkan sejumlah dana untuk mengadakan program khidmat tanggungjawab sosial (CSR) seumpama ini terutama-manya bagi ahli kelab TaHa (Tabung Haji) bagi memastikan anak bangsa tidak ketinggalan dalam pelajaran.

"TH berharap program seumpama ini dapat memberi manfaat kepada murid dan memberi galakan kepada mereka untuk mencapai kecemerlangan bersesuaian dengan moto 'TH Marilah Menuju Kejayaan'," katanya. Tahun ini, sebanyak 50 seminar

ditaja oleh TH di seluruh negara iaitu memabitkan 25 seminar untuk calon UPSR manakala selebihnya untuk calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Seramai 260 murid dari 14 sekolah sekitar daerah Batang Kali menyertai seminar sehari itu yang memfokuskan tiga mata pelajaran iaitu Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik yang dikendalikan guru pakar sebagai persediaan murid menduduki peperiksaan berkenaan.

Antara sekolah yang terbabit ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Buaya, SK Bandar Sungai Buaya, SK Gedangsa, SK Kampung Soeharto, SK Ulu Yam Bharu dan SK Bandar Baru Batang Kali.

Pengisian terbaik

Murid Tahun Enam SK Kerling, Hulu Selangor, Mohd Emir Iqbar Abdul Wahid, 12, berkata dia bertuah kerana berpeluang mengikuti seminar ini kerana pengisiannya memberikan keyakinan kepadanya untuk menjawab soalan peperiksaan UPSR kelak. "Seronok juga apabila peserta diberi hadiah apabila dapat menjawab dengan tepat semasa mengikuti seminar ini," katanya.

Murid SK Batang Kali, Ahmad Afham Fikri Azman, 12, gembira menyertai seminar itu kerana dapat berkenalan dengan rakan baru dari sekolah lain selain menambah pengetahuan.

"Saya yakin untuk mendapat keputusan cemerlang 5A selepas mendapat tunjuk ajar daripada guru pakar dan baki beberapa bulan lagi ini akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk terus mengulang kaji pelajaran," katanya.



Mohammad Saimi beramah mesra dengan calon UPSR Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2014 Kelab TaHa, di Batang Kali.

[FOTO SHAHRUL M ZAIN/ BH]